

PUSAT PENGURUSAN  
STRATEGI & KUALITI  
(SQM)

SYED SIRAJUDDIN

2025

LAPORAN  
TAHUNAN



[www.sqm.edu.my](http://www.sqm.edu.my)



[sqm@unimap.edu.my](mailto:sqm@unimap.edu.my)

# LAPORAN TAHUNAN 2025

## PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI (SQM)

Cetakan pertama 2025

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Diterbitkan oleh:

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM),

Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin,

Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra,

02600, Arau, Perlis

Laman Web: [www.sqm.edu.my](http://www.sqm.edu.my)

Email: [sqm@unimap.edu.my](mailto:sqm@unimap.edu.my)

# SIDANG EDITOR



## PENAUNG

Dato' Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli



## KETUA EDITOR

Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail

## PENOLONG KETUA EDITOR



Prof. Madya Ts. Dr.  
Tan Chye Lih



Prof. Madya Ir. Ts. Dr.  
Azwan Iskandar Azmi



Dr. Hamzah Abdul  
Hamid

## EDITOR

En. Yusrizal Musanip  
En. Rhafizuan Rusli  
En. Muhammad Hidham Haris  
Pn. Isma Irini Shafie  
Pn. Azfa Ahmad  
Pn. Azimah Aziz @ Azaib  
En. Mohamad Hasani Kamis  
Pn. Suhana Shaari

## GRAFIK & FOTOGRAFI

En. Yusrizal Musanip  
En. Mohamad Hasani Kamis  
En. Hasmizul Hashim

|                                                          |           |
|----------------------------------------------------------|-----------|
| <u>Perutusan Pengarah Kanan</u>                          | <u>01</u> |
| <u>Latar Belakang</u>                                    | <u>02</u> |
| <u>Misi &amp; Visi SQM</u>                               | <u>03</u> |
| <u>Fungsi SQM</u>                                        | <u>04</u> |
| <u>Peranan Bahagian SQM</u>                              | <u>05</u> |
| <u>Eksekutif SQM</u>                                     | <u>06</u> |
| <u>Carta Organisasi</u>                                  | <u>07</u> |
| <u>Laporan Bahagian Strategi &amp; Pengurusan Risiko</u> | <u>08</u> |
| <u>Laporan Bahagian Data Analitik</u>                    | <u>17</u> |
| <u>Laporan Bahagian Kualiti &amp; Akreditasi:</u>        | <u>28</u> |
| • Bahagian Kualiti                                       | <u>30</u> |
| • Bahagian Akreditasi                                    | <u>46</u> |



# PERUTUSAN PENGARAH KANAN



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga SQM yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi tinggi sepanjang tahun ini. Laporan Tahunan ini merupakan refleksi terhadap usaha gigih dan pencapaian kita bersama dalam mencapai visi dan misi jabatan, demi menyokong hala tuju UniMAP serta memperkasakan pengurusan kualiti di universiti ini.

Tahun 2025 menandakan tahun kemuncak pelaksanaan Pelan Strategik UniMAP 2021–2025, yang memfokuskan kepada pemantapan pencapaian strategik, keberkesanan tadbir urus serta pengukuhan kualiti institusi secara menyeluruh. Dalam tempoh ini, Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM) terus memainkan peranan strategik sebagai pemudah cara dan penyelaras utama dalam memastikan hala tuju universiti dilaksanakan secara berfokus, terukur dan berimpak.

Sepanjang tahun pelaporan, SQM telah memberi penekanan kepada pemantauan prestasi strategik, pengurusan risiko institusi, pematuhan keperluan akreditasi serta sokongan terhadap inisiatif penarafan universiti. Pendekatan berasaskan data dan analitik strategik terus diperkukuh bagi menyokong pembuatan keputusan yang lebih tepat, telus dan berlandaskan bukti.

Seiring dengan keperluan landskap pendidikan tinggi yang semakin dinamik dan kompetitif, SQM kekal komited dalam membudayakan penambahbaikan berterusan serta memperkukuh kesepaduan pelaksanaan strategi merentas fakulti dan pusat tanggungjawab. Usaha ini menjadi asas penting dalam memastikan kelestarian prestasi dan reputasi UniMAP sebagai universiti kejuruteraan berteraskan teknologi.

Melangkah ke fasa peralihan pasca-2025, SQM akan terus menyokong perancangan strategik universiti yang lebih mampan, berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan demi kecemerlangan berterusan UniMAP.

*Khairul Azwan Ismail*

**Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail,**  
Pengarah Kanan,  
Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

# LATAR BELAKANG

SQM bermula sebagai Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK) yang dibangunkan pada 2009. PUSPEK adalah gabungan dua unit yang telah beroperasi sebelum itu, iaitu Unit Kualiti (ditubuhkan pada 2004) dan Unit Pembangunan Korporat (ditubuhkan pada 2006, dikenali sebagai UNIPEK).

Pada April 2020 PUSPEK dijenamakan semula sebagai Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) selaras dengan penstrukturan semula pusat tanggungjawab di UniMAP.



# MISI & VISI SQM

## MISI

Memacu dan Memimpin Agenda  
Universiti ke Arah Kecemerlangan

## VISI

Peneraju Pengurusan Strategi dan Kualiti  
Universiti

## SQM

beriltizam memastikan perancangan strategik, pengurusan kualiti, risiko dan prestasi universiti dilaksanakan secara berkesan, berintegriti dan berteraskan data

01. Pelan Strategik UniMAP
02. Sistem Pengurusan Kualiti & Akreditasi
03. Pengurusan Risiko Universiti
04. Penarafan dan Reputasi Universiti
05. Data Analitik & Pelaporan Prestasi



# FUNGSI SQM

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan perancangan strategi, dan memantau serta melapor pencapaian pelan strategik UniMAP kepada pengurusan tertinggi universiti.

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan petunjuk prestasi utama yang relevan dengan pelan strategik peringkat nasional, dan berfungsi sebagai rujukan utama universiti berkaitan dengan KPI.

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pemantapan kualiti di UniMAP.

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pengurusan sistem kualiti terutama dalam usaha untuk memperoleh dan mengekalkan persijilan MS ISO dalam skop yang ditetapkan oleh UniMAP; menawarkan program latihan yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategik dan pengurusan kualiti organisasi dalam usaha penjana pendapatan UniMAP.

Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksana aktiviti berkaitan dengan akreditasi dan pengiktirafan program pengajian di UniMAP selaras dengan keperluan badan kelayakan tempatan dan/ atau antarabangsa.

Memastikan program yang ditawarkan mencapai dan memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan oleh badan kelayakan tempatan dan/ atau antarabangsa untuk tujuan pengiktirafan dan akreditasi.

Melaksanakan tugas/ projek khusus seperti keperluan dan arahan oleh Naib Canselor UniMAP

# PERANAN BAHAGIAN SQM

## BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

Berperanan membangunkan kerangka perancangan strategik UniMAP, merangka dan memantau KPI melalui struktur tadbir urus serta kaedah pelaksanaan yang sesuai, memantau projek dan inisiatif bagi mencapai sasaran UniMAP 2025, serta mengintegrasikan KPI kementerian untuk tujuan pelaksanaan, pemantauan dan pengukuran prestasi.

Bahagian ini juga perlu memastikan sistem pengurusan risiko berkaitan dengan perancangan strategik universiti dilaksanakan dengan sempurna.

## BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI

Pengurusan Kualiti di UniMAP bertanggungjawab memastikan standard kualiti dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perkhidmatan sokongan dan pentadbiran, selaras piawaian ISO 9001:2015 serta jangkaan pihak berkepentingan.

Pengurusan Akreditasi bertanggungjawab mengurus keperluan akreditasi dan pengiktirafan semua program akademik UniMAP daripada badan kelayakan seperti MQA, EAC, ETAC dan TTAC.

## BAHAGIAN DATA ANALITIK

Bahagian Data Analitik bertanggungjawab mendapatkan, menganalisis serta membekalkan data dan laporan prestasi universiti kepada Pengurusan Tertinggi bagi menyokong pembuatan keputusan berkaitan sistem penarafan dan pemeringkatan tempatan dan global, termasuk QS, THE, Clarivate, serta pangkalan data kementerian seperti MyMOHES dan SETARA.

# EKSEKUTIF SQM

Di SQM, kami percaya bahawa kejayaan strategik universiti dicapai melalui kerjasama erat, komunikasi terbuka dan komitmen bersama. Setiap ahli pasukan menyumbang kepakaran dan idea masing-masing, menjadikan SQM lebih kuat, cekap, dan berdaya saing dalam mencapai visi dan misi universiti.



**Prof. Dr. Khairul Azwan Ismail**  
Pengarah Kanan



**Prof. Madya Ts. Dr.  
Tan Chye Lih**  
Ketua Bahagian  
Strategi & Pengurusan Risiko



**Prof. Madya Ir. Ts. Dr.  
Azwan Iskandar Azmi**  
Ketua Bahagian  
Kualiti & Akreditasi



**Dr. Hamzah Abdul Hamid**  
Ketua Bahagian  
Data Analitik

# CARTA ORGANISASI

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)



Disahkan oleh:

PROF. DR. KHAIRUL AZWAN ISMAIL  
Pegarah Kanan

En. Hasmizul Hashim  
Pembantu Khidmat Am



# LAPORAN BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

CANSELOR TUANKU SYED SIRAJUDDIN



PELAKSANAAN &  
AKTIVITI

Laporan ini mendokumentasikan pelaksanaan dan aktiviti bahagian dalam menyokong hala tuju SQM

# PERUTUSAN

## KETUA BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

Prof. Madya Ts. Dr. Tan Chye Lih



Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan,

Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko terus komited dalam memperkukuh perancangan strategik serta amalan pengurusan risiko yang menyeluruh dan bersepadu bagi menyokong hala tuju dan aspirasi strategik universiti.

Pendekatan berasaskan data, pemantauan prestasi yang sistematik serta penilaian risiko yang proaktif menjadi teras kepada pelaksanaan tadbir urus strategik yang berkesan, selari dengan keperluan pematuhan, kelestarian dan peningkatan prestasi institusi.

Sepanjang tempoh pelaporan, pelbagai inisiatif penambahbaikan telah dilaksanakan bagi memperkasa keupayaan perancangan, pelaporan dan pengurusan risiko secara berterusan, sekali gus menyokong pembuatan keputusan yang lebih tepat dan berimpak tinggi.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada seluruh warga SQM atas komitmen, profesionalisme serta kerjasama erat dalam menjayakan agenda strategik universiti.

Diharapkan usaha berterusan ini akan terus memperkukuh kedudukan UniMAP sebagai sebuah universiti teknikal terkemuka yang mampan, berdaya saing dan berteraskan tadbir urus strategik yang cemerlang.

*Tan Chye Lih*

**Prof. Madya Ts. Dr. Tan Chye Lih**

Ketua,

Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko

# RANGKUMAN AKTIVITI

## BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

SQM 2025

MESYUARAT

14



BENGKEL

4



KURSUS

1




JUMLAH AKTIVITI 2025


19



### STATISTIK AKTIVITI 2025



### PERATUSAN AKTIVITI 2025



■ Mesyuarat   ■ Bengkel   ■ Kursus

# AKTIVITI MESYUARAT

## BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

SQM 2025

| NO | MESYUARAT                                                                                              | OBJEKTIF                                                                                                                                                                                                                                            | TARIKH          |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 1  | Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu UniMAP 2025 Kali Ke-18, Bil. 1/2025                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Membentangkan laporan UniMAP 2025</li> <li>Laporan inisiatif dan pencapaian KPI Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 (Q4 - 2024)</li> </ul>                                                             | 6 Januari 2025  |
| 2  | Sesi Diskusi Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030 Bersama Kumpulan - Fokus 1                                   | Terdiri daripada Ketua Pustakawan dan Profesor bagi mendapatkan pandangan dan cadangan berhubung Hala Tuju UniMAP 2030                                                                                                                              | 11 Mac 2025     |
| 3  | Sesi Perbincangan Penetapan Program 7 Fokus Hala Tuju KPT 2025                                         | Perbincangan khas berhubung Program 7 Fokus Hala Tuju KPT 2025                                                                                                                                                                                      | 10 April 2025   |
| 4  | Sesi Perbincangan Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030 bersama Kumpulan - Fokus 2                              | Perbincangan khas berkaitan Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030 bersama Kumpulan Fokus 2                                                                                                                                                                   | 15 April 2025   |
| 5  | Sesi Perbincangan Hala Tuju Pelan Strategik UniMAP 2026 - 2030                                         | Perbincangan khas berkaitan hala tuju UniMAP 2026 - 2030 bersama Ketua Jabatan untuk memberi input dan cadangan                                                                                                                                     | 21 April 2025   |
| 6  | Sesi Perbincangan Hala Tuju Pelan Strategik UniMAP 2026 - 2030 Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti | Perbincangan khas berkaitan Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030 bersama Ketua Teras                                                                                                                                                                        | 22 Mei 2025     |
| 7  | Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu UniMAP 2025 Kali Ke-19, Bil. 2/2025                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Membentangkan Laporan UniMAP 2025 pencapaian Q1</li> <li>Pembentangan 7 Fokus Utama dan 20 Program Signature Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2025</li> <li>Pembentangan Outcome Based Budgeting (OBB)</li> </ul> | 10 Jun 2025     |
| 8  | Sesi Perbincangan Pemurnian Inisiatif & KPI Pelan Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030                         | Memurnikan semula maklumat inisiatif & KPI merujuk kepada 6 Objektif Strategik susulan daripada pelaksanaan Bengkel Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030 yang lepas                                                                                         | 29 Julai 2025   |
| 9  | Sesi Perbincangan Penetapan Operational Definition (OD) & Pengukuran Pencapaian KPI UniMAP 2026 - 2030 | Membincangkan ketetapan OD dan pengukuran pencapaian KPI UniMAP 2026 - 2030 bersama pemilik KPI mengikut teras                                                                                                                                      | 5 November 2025 |

# AKTIVITI MESYUARAT


## BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

SQM 2025

| NO | MESYUARAT                                                                                                                                                                                                           | OBJEKTIF                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | TARIKH          |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 10 | Sesi Perbincangan Berkaitan Penambahbaikan Dasar Pengurusan Risiko (Para 3.3 Tadbir Urus Pengurusan Risiko Sub Perkara 3.3.2 Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster (Fungsi Jawatankuasa))                          | Perbincangan dan penerangan kepada pegawai yang dilantik / bertanggungjawab berhubung penambahbaikan dasar pengurusan risiko. Perbincangan ini adalah lanjutan daripada cabutan minit dan maklum balas minit Mesyuarat LPU Kali Ke-95, Bil. 6/2024 bertarikh 20 November 2024                                                                      | 7 Januari 2025  |
| 11 | Sesi Perbincangan Formula Pendanaan Baharu (New Funding Formula) Fasa III                                                                                                                                           | Perbincangan berhubung Bengkel Formula Pendanaan Baharu (New Funding Formula) Fasa III anjuran KPT berhubung New Funding Formula (NFF) Universiti Awam, Pengiraan Cost Per Student (CPS) dan cadangan penetapan Key Performance Indicator (KPI) serta membentangkan dapatan simulasi NFF berasaskan input dan prestasi kepada semua pemegang taruh | 24 Januari 2025 |
| 12 | Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Risiko (Tier 2) Kali Ke-6, Bil. 1/2025                                                                                                                               | Membentangkan daftar risiko yang telah didaftarkan melalui sistem ePIC risiko setelah diputuskan pada peringkat Jawatankuasa Pengurusan Risiko PTj (Tier 1)                                                                                                                                                                                        | 6 Mac 2025      |
| 13 | Pelaporan Risiko Mesyuarat Utama Universiti Lanjutan Penambahbaikan Dasar Pengurusan Risiko (Para 3.3 Tadbir Urus Pengurusan Risiko Sub Perkara 3.3.2 Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster (Fungsi Jawatankuasa)) | Membentangkan potensi risiko yang telah dikenal pasti dalam mesyuarat utama universiti untuk dibawa ke peringkat jawatankuasa pengurusan risiko kluster                                                                                                                                                                                            | 14 April 2025   |
| 14 | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster (Tier 3) Kali Ke-6, Bil. 1/2025                                                                                                                                    | Membentangkan daftar risiko yang dibawa dari peringkat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Tier 2                                                                                                                                                                                                                                                       | 5 Mei 2025      |
| 15 | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (Tier 4) Kali Ke-6, Bil. 1/2025                                                                                                                                 | Membentangkan daftar risiko yang didaftarkan oleh PTj yang dibawa daripada peringkat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster (Tier 3) untuk dibentangkan kepada Pengerusi Mesyuarat yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah Universiti                                                                                                                 | 7 Julai 2025    |



# AKTIVITI Mesyuarat




# AKTIVITI BENGKEL

## BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

SQM 2025

| NO | BENKEL                                                                                                                                                                         | OBJEKTIF                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | TARIKH                |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|
| 1  | Sesi Pra Bengkel Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030                                                                                                                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi pembentangan oleh Pengurusan Tertinggi UniMAP bagi hala tuju UniMAP 2030</li> <li>Mendapatkan input dari Ketua PIC / PTj serta cadangan penambahbaikan dalam pelaksanaan Pelan Strategik baharu UniMAP 2026 - 2030</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | 3 Julai 2025          |
| 2  | Bengkel Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030                                                                                                                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkasakan semula hala tuju serta matlamat strategik baharu "<b>Ultimate Aim</b>" UniMAP sehingga 2030</li> <li>Merangka dan memperkukuhkan pelan strategik baharu yang berimpak tinggi dalam <b>Hala Tuju UniMAP 2026 - 2030</b> untuk tempoh lima (5) tahun ke hadapan</li> <li>Memperkasakan serta menetapkan semula <b>key performance indicator (KPI)</b> dalam setiap <b>Objektif Strategik (OS)</b> Pelan Strategik UniMAP 2026 - 2030 dengan mengambil kira segala polisi baharu kerajaan dan KPT serta hubungan dengan industri &amp; komuniti</li> </ul> | 17 - 19 Julai 2025    |
| 3  | Bengkel Dokumentasi Pelan Strategik UniMAP 2026 - 2030                                                                                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>Matlamat utama pelaksanaan bengkel ini adalah bertujuan sebagai persediaan awal untuk penyediaan dokumentasi lengkap bagi buku Pelan Strategik UniMAP 2030</li> <li>Menyelaras penulisan dan dokumentasi Pelan Strategik UniMAP 2030</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | 14 - 15 November 2025 |
| 4  | Bengkel Latihan Pemurnian Modul Latihan MARISK                                                                                                                                 | Perbincangan dan semakan semula modul latihan yang digunakan pada tahun 2024. Selain itu juga bertujuan untuk membincangkan perancangan modul latihan tahap seterusnya                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | 12 Februari 2025      |
| 5  | Sesi Taklimat Kerangka Baharu Pelan Strategik UniMAP 2030 Sempena Program Pengukuhan Strategik UniMAP dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-100, Bil. 5/2025 | Membentangkan kerangka Baharu Pelan Strategik UniMAP 2026 - 2030 kepada Ahli Lembaga Pengarah Universiti UniMAP                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | 14 Disember 2025      |



# AKTIVITI Bengkel



# AKTIVITI KURSUS

## BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

SQM 2025

| NO | KURSUS / PERSIDANGAN                                             | OBJEKTIF                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | TARIKH                 |
|----|------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
| 1  | Kursus Asas Pengurusan Risiko Institusi Pengajian Tinggi Tahap 1 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pendedahan asas tentang kepentingan pengurusan risiko dalam sektor pendidikan tinggi</li> <li>• Memahami konsep risiko dan kaedah asas pengurusannya</li> <li>• Mengenali struktur kerangka pengurusan risiko berasaskan ISO 31000</li> <li>• Membina asas kompetensi dan budaya pengurusan risiko dalam kalangan warga IPT</li> </ul> | 22 - 23 September 2025 |




**KURSUS ASAS PENGURUSAN RISIKO INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TAHAP 1,  
22-23 SEPTEMBER 2025,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**



# LAPORAN BAHAGIAN DATA ANALITIK

CANSELORI TUANKU SYED SIRAJUDDIN



PELAKSANAAN &  
AKTIVITI

Laporan ini mendokumenkan aktiviti, pencapaian dan pelaksanaan analitik data bagi menyokong pembuatan keputusan strategik UniMAP

# PERUTUSAN

## KETUA BAHAGIAN DATA ANALITIK

**Dr. Hamzah Abdul Hamid**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Bahagian Data Analitik komited dalam memperkasa pengurusan data dan analitik bersepadu sebagai asas kepada perancangan strategik, pemantauan prestasi serta pembuatan keputusan berasaskan bukti di peringkat

universiti. Melalui pembangunan ekosistem data yang sistematik, integrasi sumber data institusi serta penggunaan analitik dan pelaporan strategik, bahagian ini menyokong pengurusan universiti dalam mengenal pasti trend, risiko dan peluang penambahbaikan secara lebih tepat dan berimpak.

Sepanjang tempoh pelaporan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memperkukuh tadbir urus data, meningkatkan kualiti dan kebolehpercayaan data serta memperluas penggunaan papan pemuka dan analitik prestasi bagi menyokong keperluan strategik dan pelaporan universiti.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada seluruh warga SQM serta rakan strategik di peringkat PTj atas komitmen, kerjasama dan sokongan berterusan dalam menjayakan agenda data analitik universiti.

Diharapkan usaha berterusan ini akan terus menyokong kecemerlangan tadbir urus strategik serta memperkukuh daya saing dan kelestarian universiti melalui penggunaan data dan analitik yang berkesan..

*Hamzah Abdul Hamid*

**Dr. Hamzah Abdul Hamid**  
Ketua,  
Bahagian Data Analitik

# AKTIVITI MESYUARAT

## BAHAGIAN DATA ANALITIK

SQM 2025

| NO | MESYUARAT                                                                                                   | OBJEKTIF                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | TARIKH                |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|
| 1  | Mesyuarat Kerja Pemantapan Kualiti Data Sistem MyMoHeS & Mesyuarat Kualiti Data Universiti Awam Bil. 1/2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Membincangkan dapatan hasil analisis serta isu-isu berkaitan data bagi setiap modul yang telah dihantar melalui sistem MyMoHeS</li> <li>Membentangkan keputusan penarafan bintang bagi setiap UA berdasarkan kutipan data cut-off date 31 Disember 2024</li> </ul>            | 23 - 24 Februari 2025 |
| 2  | Mesyuarat Kerja Pengujian Pengintegrasian Data Pelajar Universiti Awam (UA) Secara Hampir Masa Nyata        | Memperhalusi dan menguji sistem integrasi data pelajar antara Universiti UA dengan KPT menggunakan kaedah Application Programming Interface (API) sejajar dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa serta dalam masa yang sama bagi memastikan data dapat dicapai secara hampir masa nyata (near real time) | 26 - 27 Mei 2025      |
